



Atlet Universiti Malaysia Sabah **bakal bersaing pada kejohanan MASUM 2013** di Universiti Malaya Kuala Lumpur.

UMS hantar 12 atlit ke MASUM

BH 13.5.2013 13

Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menghantar 12 atlit untuk bersaing pada kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2013 di Universiti Malaya (UM), hujung bulan ini.

Mereka ialah Pang Tsun Kuo, Nitas Camillus, Hafifie Fe-bryan, Elyd Sham Irlon, Louis

Muslin, Mohd Azlan Abu Ba-kar, Keneedy Japari, Max Anzie Jetol, Emmy Ahkim, Felnidiah Lok Lassim, Merry Gabali dan Asong Joseph.

Ketua pasukan, Emmy Ah-kim, berkata semua atlit ter-babit giat menjalani latihan dalam fasa terakhir bagi me-mastikan sasaran ditetap-

kan tercapai.

Walaupun sibuk dengan pe-lajaran, katanya, mereka ma-sih dapat meluangkan masa berlatih sebagai persediaan.

"Saya menyertai acara lari berpagar 400 meter dengan sa-saran memperbaiki catatan masa 64.21 saat sekali gus me-ngekalkan pingat emas diper-oleh pada MASUM 2012 di Jo-hor tahun lalu," katanya ke-pada BH, di sini.

Nitas Camillus, pemegang rekod acara 10,000 meter jalan kaki lelaki dengan masa 58.48 saat pada kejohanan tahun lu-lu, turut berhasrat memper-

baharu rekod itu.

"Saya kini giat menjalani latihan dengan sasaran mem-perbaiki rekod peribadi yang dicatatkan pada MASUM 2012," katanya.

UMS meletakkan sandaran kepada dua atlit tahun pertama jurusan Sains Sukan yang menjadi kebanggaan Sa-bah iaitu Merry Gabali, pingat gangsa lompat kijang dengan lompatan 11.70 meter dan Max Anzie Jetol yang beraksi di Sukan Malaysia (SUKMA) Pa-hang tahun lalu dengan me-raih gangsa acara merejam lembing.